

22 DEC 1998

MTEN-PEMBIAYAAN/I

KEPERLUAN PEMBIAYAAN MALAYSIA DIANGGARKAN RM62 BILION, KATA MTEN

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Jumlah pembiayaan yang diperlukan oleh Malaysia bagi 1998/1999 dianggarkan sebanyak RM62 bilion dan bukan RM98 bilion seperti yang didakwa dalam sebuah rencana dalam International Herald Tribune keluaran 15 Disember, kata seorang jurucakap Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini hari ini.

Menyifatkan perangkaan anggaran tersebut sebagai "sengaja diperbesarkan" jurucakap tersebut berkata anggaran Bank Negara Malaysia menunjukkan keperluan pembiayaan yang jauh lebih rendah iaitu RM26 bilion bagi membiayai defisit fiskal, RM31 bilion bagi penyusunan semula sistem kewangan dan RM5 bilion bagi pembangunan prasarana.

Kata jurucakap tersebut, dalam rencana bertajuk "Mahathir's Economic Policies Could Bring His Downfall" itu penulisnya telah gagal memberikan penilaian yang lengkap dan tepat tentang dasar-dasar ekonomi Malaysia.

Menjawab pertanyaan daripada Bernama, beliau berkata jurang pembiayaan ini akan ditampung secukupnya melalui sumber-sumber bukan bersifat inflasi tempatan tanpa bantuan kepada pembiayaan defisit.

"Kadar penabungan Malaysia adalah tinggi iaitu melebihi 40 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan terdapat mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan.

"Akaun semasa luar dijangka mencatat lebihan yang besar dalam 1998-99, sekaligus menghasilkan mudah tunai tambahan bagi ekonomi," tambah jurucakap tersebut.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan Malaysia komited terhadap dasar disiplin kewangannya dalam pelaksanaan dasar fiskal.

Beliau juga berkata kerajaan akan membiayai defisit fiskalnya melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang kebanyakannya akan diserap oleh kumpulan wang, pencen dan bon insurans.

Pembiayaan yang diperlukan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, Danamodal Nasional Bhd dan Tabung Pembangunan Prasarana akan dikumpul melalui sektor swasta.

Menurut jurucakap MTEN itu, penulis rencana itu telah memutar belitkan maklumat dan dalam beberapa hal telah menggunakan maklumat yang tidak tepat dan dengan demikian telah membuat penilaian dan tafsiran yang tidak tepat, manakala pada masa yang sama gagal memaparkan dasar-dasar berkenaan dalam konteks sebenar.

Menyentuh tentang sebuah rencana lain bertajuk "Moving in The Wrong Direction", yang disiarkan dalam Time Magazine Asia keluaran 21 Disember, yang menyentuh tentang pengurangan kadar faedah dan rizab mandatori bank-bank komersil yang begitu banyak, beliau berkata, AS, UK dan beberapa negara perindustrian yang lain juga turut melaksanakan pengurangan kadar faedah hanya kerana menjangkakan kegiatan ekonomi yang lembap.

"Penulisnya juga telah gagal menonjolkan hakikat bahawa kadar inflasi di Malaysia semakin turun sejak ia mencapai kemuncaknya pada 6.2 peratus dalam bulan Jun, 1998. -- BERNAMA

DVS KY os